

DATE: 10 / 3 / 2008

Johor bukan lagi kubu kuat BN

um- 10/3/2008

Oleh LUQMAN HAZIQ

JIKA beberapa negeri seperti Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Perak yang sebelum ini diperintah oleh Barisan Nasional (BN) turut tumbang kepada parti pembangkang, Johor yang diuar-uarkan sebagai kubu kuat BN turut terasa bahang pada Pilihan Raya Umum Ke-12 yang melabuhkan tirainya kelmarin.

Walaupun masih kekal di bawah teraju BN, namun parti pembangkang seperti DAP berjaya memenangi Parlimen Bakri, Dewan Undangan Negeri (DUN) Bentayan, Skudai, Senai dan Mengkibol manakala Pas mula diterima di DUN Sungai Abong dan Maharami.

Sebelum pembubaran Parlimen dan DUN pada 13 Februari lalu, DAP memang mencanang ingin merebut sekurang-kurangnya dua kerusi DUN iaitu Bentayan dan Skudai yang dimenangi BN dengan majoriti tipis pada Pilihan Raya Umum Ke-11, 2004.

Misi DAP di DUN Bentayan mencapai kejayaan kali ini apabila calonnya, Gwee Tong Hiang yang memperoleh 9,118 undi

Analisis Berita

menewaskan calon BN, Lee Ching Yong yang mendapat 6,322 undi.

Kemenangan DAP di Parlimen Bakri diperolehi Er Teck Hwa yang menewaskan Tay Puay Chuan dengan majoriti 722 undi. Teck Hwa memperoleh 21,051 undi berbanding Puay Chuan dengan 20,329 undi.

Pas pula walaupun gagal mengekalkan kerusi DUN Senggarang yang dimenangi tanpa bertanding pada pilihan raya umum 2004, turut berjaya menanam pengaruhnya di dua kawasan baru iaitu di DUN Sungai Abong dan Maharami pada pilihan raya umum kali ini.

Calonnya, Dr. Sheikh Ibrahim Salleh berjaya menewaskan calon BN, Kamarudin Suratman dengan majoriti 1,550 undi di Sungai Abong manakala Dr. Mohammad Taslim menumbangkan penyandang kerusi Maharami, Datuk Mohd. Ismail Mohd. Shah dengan majoriti 158 undi.

Sebelum ini, ramai yang tidak memberi harapan tinggi kepada Pas untuk memenangi sebarang kerusi kerana parti pembangkang itu didakwa tidak mendapat sokongan daripada rakyat.

BN bagaimanapun berjaya merampas semula kerusi DUN Senggarang menerusi Ja'afar Hashim yang menewaskan Dr. Mohd. Ramli Md. Kari dengan majoriti 3,028 undi. Beliau memperoleh 9,034 undi berbanding Dr. Mohd. Ramli yang mendapat 6,006 undi.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman seperti diduga tidak menghadapi masalah mengekalkan kerusi DUN Serom walaupun majoriti undinya turun. Beliau memperoleh 10,088 undi, manakala calon Pas, Rusman Kemir mendapat 5,117 undi.

Semua menteri Kabinet dari Johor seperti Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Datuk Seri Ong Ka Ting berjaya memenangi kerusi masing-masing.

Ketika hari penamaan calon pada 24 Fe-

bruari lalu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said menang tanpa bertanding di Parlimen Pengerang.

Abdul Ghani dalam sidang akhbar pada pukul 2.15 pagi kelmarin setelah BN Johor berjaya membentuk kerajaan setelah berjaya memenangi 50 kerusi DUN daripada 56 yang dipertanding berkata, kemungkinan faktor calon menjadi punca BN kehilangan beberapa kerusi di negeri ini.

Bagaimanapun, beliau tetap yakin bahawa Johor masih menjadi kubu kuat BN walaupun terpaksa merelakan kuasa rakyat yang memilih parti pembangkang di satu kerusi Parlimen dan enam DUN.

Beberapa pemerhati politik berpendapat, keputusan pilihan raya umum kali ini seharusnya membuka mata semua pemimpin BN Johor supaya tidak leka dan sentiasa menjaga kepentingan serta kebajikan rakyat.

Pemimpin BN yang menang atau kalah seharusnya menilai kekuatan dan kelemahan diri sama ada mereka diterima atau tidak oleh rakyat.

"Adakah mereka seorang pemimpin yang

digemari atau mesra rakyat? Seorang pemimpin seharusnya sentiasa dekat dengan rakyat kerana mereka yang seharusnya bekerja untuk rakyat, bukannya rakyat bekerja untuk mereka," kata seorang pemerhati politik.

Seorang lagi berpendapat, BN seharusnya 'mendengar' suara peringkat akar umbi mengenai calon yang disenangi di sesuatu kawasan berkenaan, bukan hanya kerana kedudukan atau jawatannya.

Malah, bekas Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat dalam satu temu bual dengan *Utusan Malaysia* baru-baru ini menggesa supaya BN, khususnya UMNO mengambil kira suara rakyat di peringkat akar umbi dalam pemilihan calon.

"Anda calon yang dipilih bertanding di kawasan itu tidak diterima oleh masyarakat setempat, tidak mustahil undi tidak diberikan kepadanya kerana faktor personaliti calon amat penting," ujarnya.

Jika diambil kira, kebanyakan majoriti undi yang diperolehi oleh semua calon BN yang memenangi kerusi masing-masing juga merosot.